

Belia didedah nilai murni



Antara peserta Program Survival Pemantapan Kepimpinan Orang Muda Teluk Ketapang yang diadakan di Kem IM4U UniSZA.

MERANG - Seramai 60 peserta terdiri daripada belia mengambil bahagian dalam Program Survival Pemantapan Kepimpinan Orang Muda Teluk Ketapang.

Program berlangsung di Kem IM4U UniSZA itu diadakan bagi meningkatkan jati diri, membina kesefahaman dan mengukuhkan lagi hubungan peserta.

Pengerusi Penyelaras Pemuda Umno Dun Seberang Takir, Zuemi

Abdullah berkata, golongan muda mudah terdedah dengan anasir negatif dan disebabkan itu mereka perlu diterapkan dengan nilai murni serta kerohanian.

"Program ini merangkumi pelbagai aspek antaranya menguji kemampuan fizikal dan program keagamaan. Kita harap program sebegini akan dipelbagai-kan lagi pada masa akan datang untuk memberi lebih kesedaran kepada peserta," katanya.